

PKPSMPERLIJPNPERLISPKPSMPERLISJPNPERLISPKPSMPERLISJPNPERLISPKPSMJPNPERLISPKPSMJPNPERLIS  
PKPSMPI 944/2 PKPSMPERLISJPNPERLISPKPSMPERLISJPNPERLIS STPM 2008  
PKPSMPI PKPSMPERLISJPNPERLISPKPSMPERLISJPNPERLIS  
PKPSMPERLIJPNPERLISPKPSM EKONOMI  
PKPSMPERLIJPNPERLISPKPSM KERTAS 2  
PKPSMPERLIJPNPERLISPKPSMPERLISJPNPI IPERLISPKPSMJPNPERLISPKPSMJPNPERLIS  
PKPSMPERLIJPNPERLISPKPSMPERLISJPNPI IPERLISPKPSMJPNPERLISPKPSMJPNPERLIS  
PKPSMPERLI IPERLISPKPSMJPNPERLISPKPSMJPNPERLIS  
PKPSMPERLI (MAKROEKONOMI – ANEKA PILIHAN DAN ESEI)  
PKPSMPERLI  
PKPSMPERLI  
PKPSMPERLIJPNPERLISPKPSMPERLISJPNPERLISPKPSMPERLISJPNPERLISPKPSMJPNPERLISPKPSMJPNPERLIS  
PKPSMPERLIJPNPERLISPKPSMPERLISJPNPERLISPKPSMPERLISJPNPERLISPKPSMJPNPERLISPKPSMJPNPERLIS  
PKPSMPERLIJPNPERLISPKPSMPERLISJPNPERLISPKPSMPERLISJPNPERLISPKPSMJPNPERLISPKPSMJPNPERLIS  
PKPSMPERLIJPNPERLISPKPSMPERLISJPNPERLISPKPSMPERLISJPNPERLISPKPSMJPNPERLISPKPSMJPNPERLIS  
PKPSMPERLIJPNPERLISPKPSMPERLISJPNPERLISPKPSMPERLISJPNPERLISPKPSMJPNPERLISPKPSMJPNPERLIS  
PKPSMPERLIJPNPERLISPKPSMPERLISJPNPERLISPKPSMPERLISJPNPERLISPKPSMJPNPERLISPKPSMJPNPERLIS  
PKPSMPERLIJPNPERLISPKPSMPERLISJPNPERLISPKPSMPERLISJPNPERLISPKPSMJPNPERLISPKPSMJPNPERLIS



## PEPERIKSAAN PERCUBAAN BERSAMA SIJIL TINGGI PERSEKOLAHAN MALAYSIA 2008



### ANJURAN BERSAMA PERSIDANGAN KEBANGSAAN PENGETUA-PENGETUA SEKOLAH MENENGAH MALAYSIA (CAWANGAN PERLIS) DAN JABATAN PELAJARAN PERLIS

#### Arahan kepada calon:

Jawab **semua** dalam Bahagian A, **lima** soalan daripada Bahagian B, **dua** soalan daripada Bahagian C, dan **dua** soalan daripada Bahagian D

Ada **tiga puluh** soalan dalam Bahagian A. Tiap-tiap soalan diikuti oleh **empat** pilihan jawapan: anda dikehendaki memilih jawapan yang paling tepat dan menandakannya pada Borang Jawapan Aneka Pilihan yang berasingan. Baca arahan pada Borang Jawapan Aneka Pilihan itu dengan teliti.

Anda dinasihati supaya menjawab Bahagian A dalam masa satu jam yang pertama.

Gunakan lembaran kertas yang berasingan bagi tiap-tiap bahagian B, C dan D.

Tunjukkan semua perhitungan dan berikan jawapan anda betul sehingga dua tempat perpuluhan.

Markah untuk tiap-tiap soalan dalam bahagian B, C dan D diberikan dalam tanda kurung [ ]

#### NOTA

Bersama dengan kertas soalan ini anda harus menerima kertas graf.  
Jika tidak, sila minta daripada pengawas peperiksaan

**Kertas soalan ini terdiri daripada 12 halaman bercetak.**

© Persidangan Kebangsaan Pengetua Sekolah Menengah Perlis (PKPSM) & JPNP 2008

**SULIT\***

2

**Bahagian A ( 30 markah )***Jawab semua soalan dalam bahagian ini.*

- 1 Antara berikut yang manakah merupakan matlamat makroekonomi sesebuah negara?
  - A Pendapatan negara seimbang, kadar pengangguran jatuh dan imbalan pembayaran diperbaiki
  - B Pendapatan negara seimbang, inflasi sifar, kadar pertumbuhan ekonomi meningkat, dan kadar pertukaran asing meningkat
  - C Kadar pertumbuhan ekonomi meningkat, kadar inflasi dan kadar pengangguran menurun dan imbalan pembayaran berlebihan
  - D Ekonomi mencapai tahap guna tenaga penuh, tanpa jurang inflasi atau jurang deflasi dan imbalan pembayaran lebihan
  
- 2 Perubahan taraf hidup sesebuah negara sebaik-baiknya digambarkan melalui pertumbuhan
  - A Pendapatan perkapita benar penduduk
  - B Jumlah pendapatan negara benar
  - C Pendapatan wang penduduk
  - D Jumlah pendapatan negara
  
- 3 Maklumat berikut adalah berkaitan dengan ekonomi sebuah negara.

Butiran	RM juta
Eksport	8
Perbelanjaan semasa kerajaan	9
Import	10
Pembentukan modal kasar dalam negara	7
Penggunaan	12
Pendapatan bersih dari luar negara	3
Subsidi	2
Cukai Tak Langsung	3

Keluaran Negara Kasar pada kos faktor ialah

- A RM24 juta
  - B RM28 juta
  - C RM30 juta
  - D RM31 juta
- 
- 4 Hitung kecenderungan menabung sut (MPS) jika pendapatan boleh guna bertambah daripada RM4000 kepada RM6000 manakala pertambahan perbelanjaan adalah sebanyak RM1500.
    - A 0.33
    - B 0.67
    - C 0.25
    - D 0.73

**944/2**

\*Kertas soalan ini SULIT sehingga peperiksaan kertas ini tamat.

**SULIT\***

**SULIT\***

3

5 Jadual di bawah menunjukkan data pendapatan negara bagi sebuah negara.

Butiran	RM juta
Pendapatan negara	10 000
Bayaran pindahan kerajaan	300
Untung yang tidak dibahagi	400
Cukai keuntungan syarikat	220
Bayaran bunga oleh kerajaan	50
Cukai pendapatan perseorangan	500

Berapakah pendapatan boleh guna negara itu?

- A RM 8950 juta
- B RM 9450 juta
- C RM 9500 juta
- D RM 10 470 juta

6 Jadual di bawah menunjukkan Keluaran Negara Kasar dan indeks harga pengguna bagi sebuah negara.

	Tahun 1	Tahun 2
Keluaran Negara Kasar (KNK)	RM110 juta	RM150 juta
Indeks Harga Pengguna	110	125

Berapakah nilai keluaran negara benar bagi Tahun 2 mengikut harga Tahun 1?

- A RM110 juta
- B RM132 juta
- C RM140 juta
- D RM150 juta

7 Dalam sebuah ekonomi tiga sektor, cukai tetap adalah RM 6000 juta, fungsi penggunaan selepas cukai adalah  $C = 4500 + 0.75Y$ , pelaburan swasta adalah RM 1500 juta dan perbelanjaan kerajaan adalah RM 6000 juta. Cari pendapatan negara pada tingkat keseimbangan.

- A RM 8000 juta
- B RM 14 000 juta
- C RM 24 000 juta
- D RM 48 000 juta

8 Berikut ialah maklumat sebuah ekonomi terbuka,  $X = RM300$  juta dan  $M = 100 + 0.1Y$ . Sekiranya tingkat keseimbangan pendapatan negara ialah RM 7600 juta, berapakah defisit imbalan pembayaran?

- A RM 750 juta
- B RM 650 juta
- C RM 560 juta
- D RM 200 juta

**944/2**

\*Kertas soalan ini SULIT sehingga peperiksaan kertas ini tamat.


**SULIT\***

**SULIT\***

4

9. Rajah di bawah menunjukkan fungsi pelaburan (I) dan fungsi tabungan (S) bagi sebuah ekonomi dua sektor.


Pelaburan,  
Tabungan (RM juta)



Hitung jumlah penggunaan pada tingkat keseimbangan.

- A RM 98 juta
  - B RM 272 juta
  - C RM 320 juta
  - D RM 370 juta
10. Gambar rajah di bawah menunjukkan keluk penawaran agregat (AS) dan keluk permintaan agregat (AD) bagi sesebuah ekonomi.

Harga(RM)



Pergerakan keluk permintaan agregat dari AD<sub>0</sub> ke AD<sub>1</sub> akan menyebabkan

- A Guna tenaga berkurangan dan tingkat harga umum naik
- B Guna tenaga bertambah dan tingkat harga umum naik
- C Guna tenaga bertambah dan tingkat harga umum turun
- D Guna tenaga berkurangan dan tingkat harga umum turun

944/2

\*Kertas soalan ini SULIT sehingga peperiksaan kertas ini tamat.

**SULIT\***

**SULIT\***

5

11 Usaha kerajaan untuk meninggikan pendapatan negara dengan menambahkan perbelanjaan kerajaan akan menjadi kurang berkesan jika pada masa yang sama berlakunya

- A Tambahan nilai pengganda
- B Tambahan dalam pelaburan swasta
- C Kejatuhan kadar pencukaian sut
- D Kejatuhan kecenderungan mengguna sut

12 Data berikut menunjukkan penggunaan bagi sesuatu ekonomi tertutup tanpa aktiviti sektor kerajaan.

Pendapatan Negara (RM juta)	Penggunaan (RM juta)
120	116
140	132
160	148
180	164
200	180
220	196

Apakah nilai kecenderungan menabung sut (MPS) apabila pendapatan negara bertambah daripada RM180 juta kepada RM200 juta?

- A 0.2
- B 0.8
- C 1.2
- D 5.0

13. Antara berikut, yang manakah cara yang paling berkesan untuk mengurangkan penawaran wang dalam ekonomi?

- A Membeli surat jaminan dalam pasaran terbuka
- B Menambahkan bahagian perbelanjaan kerajaan yang dibiayai oleh pinjaman bank
- C Menambahkan nisbah rizab minimum bank perdagangan
- D Mengurangkan kadar bank

14. Jadual di bawah menunjukkan aset dan liabiliti bagi sesebuah bank perdagangan.

Aset	RM juta	Liabiliti	RM juta
Tunai	500	Deposit semasa	4 000
Deposit di Bank Negara	500		
Pinjaman	3 000		
Jumlah	4 000	Jumlah	4 000

Berapakah cadangan berkanun?

- A 12.5%
- B 14.3%
- C 25%
- D 75%

**944/2**


\*Kertas soalan ini SULIT sehingga peperiksaan kertas ini tamat.

**SULIT\***

**SULIT\***

6

15. Gambar rajah di bawah menunjukkan keluk kecekapan pelaburan sut (MEI) bagi sebuah ekonomi.



Antara berikut yang manakah **tidak benar**?

- A Kenaikan kadar bunga menyebabkan pengurangan dalam pelaburan
  - B Pengurangan dalam pelaburan menyebabkan kenaikan kadar bunga
  - C Pelaburan dan kadar bunga mempunyai hubungan yang songsang
  - D Kenaikan kadar bunga disebabkan pengurangan dalam penawaran wang
16. Apabila Bank Negara Malaysia menaikkan kadar keperluan rizab berkanun, ia bertujuan untuk
- A mengurangkan keupayaan bank perdagangan untuk mendapat untung maksimum
  - B mengurangkan kecairan bank perdagangan dan keuntungan bank
  - C mengawal kadar bunga di pasaran modal
  - D mengurangkan keupayaan bank perdagangan memberi pinjaman dan mewujudkan kredit
17. Dalam Teori Kuantiti Wang Fisher, perubahan bekalan wang dalam ekonomi(M) dengan perubahan tingkat harga umum (P) adalah
- A mengikut arah yang sama dan dengan peratus yang sama
  - B mengikut arah yang sama tetapi dengan peratus yang tidak sama
  - C mengikut arah yang bertentangan tetapi dengan peratus yang sama
  - D mengikut arah yang bertentangan tetapi dengan peratus yang tidak sama
18. Lompang inflasi ditakrifkan sebagai
- A kekurangan perbelanjaan agregat untuk mencapai pendapatan negara pada tingkat guna tenaga penuh
  - B lebih penawaran agregat pada tingkat guna tenaga penuh
  - C lebih perbelanjaan agregat pada tingkat guna tenaga penuh
  - D perbezaan antara KNK potensi dengan KNK keseimbangan
19. Jika inflasi berlaku akibat daripada bertambahnya kegiatan ekonomi, dasar fiskal yang diambil ialah
- A cukai dinaikkan dan perbelanjaan kerajaan dikurangkan
  - B cukai dikurangkan dan perbelanjaan kerajaan dinaikkan
  - C cukai dan perbelanjaan kerajaan dinaikkan
  - D cukai dan perbelanjaan kerajaan dikurangkan

944/2

\*Kertas soalan ini SULIT sehingga peperiksaan kertas ini tamat.

**SULIT\***

**SULIT\***

7

20. Salah satu cara untuk melaksanakan dasar belanjawan lebih ialah
- mengurangkan cukai
  - menambahkan perbelanjaan kerajaan
  - mengurangkan cukai dan menambahkan perbelanjaan kerajaan
  - menambahkan cukai dan mengurangkan perbelanjaan kerajaan
21. Dasar Kewangan Mengembang adalah tidak berkesan untuk menggalakkan pelaburan dan pertumbuhan ekonomi jika
- tiada kemajuan teknologi dalam ekonomi
  - tiada penambahan pelaburan asing dalam ekonomi
  - perangkap kecairan wujud dalam ekonomi
  - lompong inflasi wujud dalam ekonomi
22. Antara berikut, yang manakah bukan institusi yang berkaitan dengan globalisasi?
- Pertubuhan Perdagangan Sedunia (WTO)
  - Tabungan Kewangan Antarabangsa (IMF)
  - Kawasan Perdagangan Bebas Asia Tenggara (AFTA)
  - Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu(PBB)
23. Langkah menurunkan nilai mata wang untuk memperbaiki defisit dalam imbalan pembayaran akan gagal jika
- Permintaan terhadap import negara berkenaan adalah tidak anjal
  - Permintaan terhadap eksport negara berkenaan adalah anjal
  - Kadar syarat perdagangan negara bertambah buruk
  - Negara berkenaan mengalami inflasi sifar
24. Jadual berikut menunjukkan output bagi barang X dan barang Y yang dihasilkan oleh Negara Jepun dan Korea.

Negara	Barang X	Barang Y
Jepun	4	6
Korea	2	4

- Untuk kedua-dua negara ini melakukan perdagangan, maka harga seunit barang X adalah di antara
- 0.5 hingga 0.67 unit Y
  - 1.5 hingga 2.0 unit Y
  - 1.0 hingga 3.0 unit Y
  - 2.0 hingga 6.0 unit Y
25. Sekatan terhadap perdagangan bebas dapat dilaksanakan melalui tarif import. Antara berikut yang manakah **benar** mengenai tarif import?
- Harga barang import akan menurun
  - Kuantiti barang import akan meningkat
  - Kuantiti barang eksport akan menurun
  - Penggunaan barang gantian import akan meningkat

**944/2**

\*Kertas soalan ini SULIT sehingga peperiksaan kertas ini tamat.

**SULIT\***

**SULIT\***


8

26. Kadar syarat perdagangan boleh ditakrifkan sebagai  
 A harga mata wang negara sendiri dalam sebutan nilai mata wang asing  
 B perbezaan antara nilai eksport dan nilai import barang-barang  
 C nisbah antara indeks harga eksport dengan indeks harga import  
 D nisbah antara nilai eksport dengan nilai import barang-barang
27. Data berikut adalah berkenaan dengan imbalan pembayaran bagi sebuah negara.

Butiran	RM Juta
Imbalan dagangan	60
Imbalan perkhidmatan	-35
Pindahan bersih	-5
Imbalan semasa	20
Imbalan modal jangka panjang	48
Modal swasta	22
Ralat dan Ketinggalan	-10

Imbalan asas negara itu ialah

- A RM80 juta  
 B RM68 juta  
 C RM42 juta  
 D RM32 juta
28. Penurunan nilai mata wang sesebuah negara dapat memperbaiki imbalan pembayaran negara itu jika  
 A permintaan terhadap import tidak anjal  
 B permintaan terhadap eksport tidak anjal  
 C permintaan terhadap eksport anjal  
 D penawaran terhadap eksport tak anjal
29. Rajah berikut menunjukkan keadaan pasaran Ringgit Malaysia(RM) di Australia.



Keluk penawaran RM beralih ke kanan disebabkan oleh

- A Australia menambahkan pelaburan di Malaysia  
 B pertambahan eksport Malaysia ke Australia  
 C bilangan pelajar Malaysia melanjutkan pelajaran ke Australia berkurangan  
 D pertambahan eksport Australia ke Malaysia

944/2

\*Kertas soalan ini SULIT sehingga peperiksaan kertas ini tamat.

**SULIT\***

**SULIT\***

9

30. Kos pengangkutan untuk menghantar sebuah kamera dari Jepun ke Malaysia ialah 300 Yen dan harga sebuah kamera di Jepun ialah 30 000 Yen. Jika kadar pertukaran ialah RM1 = 30 Yen, maka kamera itu dapat dieksport ke Malaysia pada harga
- A RM1 100
  - B RM1 010
  - C Antara 300 Yen hingga 30 000 Yen
  - D Antara 300 Yen hingga 29 700 Yen

**Bahagian B [30 markah]**

*Jawab lima soalan sahaja. Anda dinasihati supaya memperuntukkan masa selama 50 minit untuk menjawab bahagian ini.*

- 1 (a) Huraikan dua kelemahan pendapatan perkapita sebagai pembeding taraf hidup antara negara. [4]  
(b) Jelaskan secara ringkas dua kegunaan pendapatan negara. [2]
- 2 Terangkan faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya perubahan peningkatan perbelanjaan agregat. [6]
- 3 Dengan menggunakan gambar rajah tunjukkan bagaimana berlakunya proses pengganda. [6]
- 4 (a) Jelaskan dua faktor yang mempengaruhi peningkatan tabungan. [2]  
(b) " Peningkatan kecenderungan menabung sut (MPS) akan menyebabkan keluaran negara pada keseimbangan merosot". Dengan memberikan gambar rajah suntikan dan bocoran terangkan pernyataan tersebut. [4]
- 5 (a) Terangkan perbezaan antara konsep permintaan agregat (AD) dengan perbelanjaan agregat (AE). [2]  
(b) Nyatakan dua faktor yang menyebabkan berlakunya peralihan keluk AS. [4]
- 6 (a) Terangkan hubungan antara nilai wang dengan indeks harga pengguna. [3]  
(b) Nyatakan kesan inflasi ke atas fungsi wang. [3]
- 7 Terangkan hubungan antara inflasi dan pengangguran dengan menggunakan keluk Phillips. [6]
8. Bagaimanakah galakan kerajaan dapat mempercepatkan pertumbuhan ekonomi negara Malaysia? [6]

**944/2****\*Kertas soalan ini SULIT sehingga peperiksaan kertas ini tamat.****SULIT\***

**SULIT\***

10

**Bahagian C [20 markah]**

*Jawab dua soalan sahaja. Anda dinasihati supaya memperuntukkan masa selama 35 minit untuk menjawab bahagian ini.*

- 9 Dengan menggunakan pendekatan AD-AS, terangkan perubahan keseimbangan pendapatan negara apabila berlaku
- a) Peningkatan dalam perbelanjaan agregat. [3]
  - b) Kenaikan harga input. [3]
  - c) Peningkatan permintaan agregat dan penawaran agregat pada kadar yang sama. [4]
- 10 (a) Apakah yang dimaksudkan dengan dasar fiskal ? [2]  
(b) Terangkan bagaimana alat dasar fiskal digunakan untuk mengatasi
- (i) Masalah inflasi tarikan permintaan. [4]
  - (ii) Masalah pengangguran kitaran. [4]
- 11 (a) Bank Perdagangan berupaya meningkatkan penawaran wang melalui penciptaan kredit. Jelaskan bagaimana proses penciptaan kredit berlaku. [8]  
(b) Sebutkan dua had dalam proses penciptaan kredit. [2]
- 12 (a) Apakah yang dimaksudkan dengan tarif import. [2]  
(b) Dengan memberikan gambar rajah yang sesuai, huraikan kesan tarif terhadap harga pengeluaran domestik, penggunaan domestik dan kuantiti import. [8]

**944/2****\*Kertas soalan ini SULIT sehingga peperiksaan kertas ini tamat.****SULIT\***

**SULIT\***

11

**Bahagian D [20 markah]**

Jawab **dua** soalan sahaja. Anda dinasihati supaya memperuntukkan masa selama 35 minit untuk menjawab bahagian ini.

13 Jadual di bawah menunjukkan data guna tenaga, tenaga buruh dan Keluaran Negara Kasar ( KNK) benar pada tahun 2003 hingga tahun 2006.

Butiran	2003 (‘000)	2004 (‘000)	2005 (‘000)	2006 (‘000)
Guna Tenaga (‘000 orang)	9 869.7	9 979.5	10 045.4	10 275.4
Tenaga buruh (‘000 orang)	10 239.6	10 346.2	10 413.4	10 628.9
KNK benar ( RM juta)	217 292	233 443	246 210	262 573

( Sumber : Buku Tahunan Perangkaan, Jabatan Perangkaan Malaysia, 2006 )

Berdasarkan jadual di atas,

- (a) Hitung kadar pengangguran pada tahun 2003 hingga tahun 2006. [3]
- (b) Hitung kadar guna tenaga pada tahun 2003, 2005 dan tahun 2006. [2]
- (c) Hitung kadar pertumbuhan ekonomi pada tahun 2004 hingga tahun 2006. [2]
- (d) Jelaskan arah aliran pertumbuhan ekonomi bagi tahun 2004 hingga tahun 2006. Apakah hubungan antara kadar pengangguran dengan kadar pertumbuhan ekonomi? [3]

14 Jadual di bawah menunjukkan mata wang dalam edaran, deposit semasa dan Indeks Harga Pengguna di Malaysia dari tahun 2003 hingga tahun 2006.

Tahun	Matawang dalam edaran ( RM juta)	Deposit semasa (RM juta)	Indeks Harga Pengguna
2003	25 943.8	77 380.4	95.7
2004	28 537.3	87 466.1	97.1
2005	30 166.4	96 155.9	100.0
2006	33 519.4	107 604.3	103.6

Indeks Harga Pengguna Tahun 2000 = 100

- (a) Apakah yang dimaksudkan dengan MI ? [1]
- (b) Berapakah kadar perubahan nilai wang pada tahun 2006 berbanding tahun 2000? [1]
- (c) Hitung:
- (i) Bekalan wang MI dari tahun 2004 hingga tahun 2006. [2]
- (ii) Kadar pertumbuhan bekalan wang M1 pada tahun 2004 hingga tahun 2006. [2]
- (iii) Kadar inflasi pada tahun 2004 hingga tahun 2006. [2]
- (d) Adakah data yang diberikan c (ii) dan (iii) bersesuaian dengan Teori Kuantiti Wang? Terangkan. [2]

**944/2**

\*Kertas soalan ini SULIT sehingga peperiksaan kertas ini tamat.

**SULIT\***

**SULIT\***

12

15 Jadual di bawah menunjukkan hasil Kerajaan Persekutuan dari tahun 2003 hingga tahun 2006 .(RM Juta).

Tahun	2003	2004	2005 <sup>(a)</sup>	2006 <sup>(b)</sup>
Hasil Cukai	64 891	72 050	80 146	82 799
Cukai Langsung	43 016	48 703	53 543	62 637
Hasil Bukan Cukai	27 717	27 347	25 710	32 762
Jumlah Hasil	92 608	99 397	105 856	115 561
Perbelanjaan Mengurus	75 224	91 298	98 244	101 246
Perbelanjaan Pembangunan	38 312	27 518	26 296	32 758

(Sumber : Buku Tahunan Perangkaan 2006, Jabatan Perangkaan Malaysia, 2006).

Petunjuk:

- (a) anggaran sebenar  
(b) anggaran di semak

- (a) Bezakan antara hasil cukai dengan hasil bukan cukai. [3]  
 (b) Hitung cukai tak langsung dari tahun 2003 hingga tahun 2006. [2]  
 (c) Jelaskan kedudukan belanjawan persekutuan dari tahun 2003 hingga tahun 2006. [4]  
 (d) Nyatakan cara membiayai belanjawan kekurangan kerajaan dari luar negeri. [1]

16 Jadual di bawah menunjukkan data tentang imbangan pembayaran Malaysia dari tahun 2004 hingga 2006.

Butiran	2004 (RM Juta)	2005 (RM Juta)	2006 (RM Juta)
Imbangan akaun Semasa	56 511	75 681	93 419
Imbangan akaun Modal dan Kewangan	16 791	-37 019	-43 488
Ralat dan Ketinggalan	10 482	-25 111	-24 772
Kadar Pertukaran RM / US\$	3.8000	3.7871	3.6682

Catatan : RM : Ringgit Malaysia  
US\$ : Dolar Amerika Syarikat

- (a) Apakah yang dimaksudkan dengan imbangan pembayaran? [1]  
 (b) Nyatakan butiran yang terkandung dalam imbangan akaun semasa. [1]  
 (c) Hitung imbangan pembayaran Malaysia pada tahun 2004 hingga tahun 2006. [2]  
 (d) Huraikan keadaan dan arah aliran imbangan keseluruhan. [2]  
 (e) Hitung nilai RM 1 dalam nilai dolar Amerika Syarikat pada tahun 2004 dan 2006. Adakah Ringgit Malaysia ( RM ) mengalami susut nilai atau naik nilai berbanding dengan dolar Amerika Syarikat (US\$). Mengapa? [4]

944/2

\*Kertas soalan ini SULIT sehingga peperiksaan kertas ini tamat.

**SULIT\***